



■ Hasrat bekas pelumba negara tabur bakti dipandang sepi MSN

Oleh Aida Adilah Mat
aida_adilah@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Nama Rosman Alwi mungkin dianggap besar sesetengah peminat atau mereka yang terbabit dalam sukan berbasikal, namun semua kejayaan diraih jaguh berbasikal negara itu seakan-akan tidak dipandang Majlis Sukan Negara (MSN) apabila tidak diberi peluang membimbing atlet negara.

Bukan sekali dua malah sudah lebih empat kali Rosman menghantar permohonan jawatan selaku jurulatih, namun ditolak mentah-mentah oleh badan induk sukan negara itu dan lebih memeritkan tidak dimaklumkan punca permohonan itu tidak dilayan.

"Bukan sekali dua, tapi banyak kali, sejak zaman Datuk Zolkples Embong lagi saya menghantar resume, tapi ditolak dengan mudah. Saya



ROSMAN (kiri) pernah harumkan nama negara.

12 FEBRUARI 2015

HARIAN METRO (1/2/2015)

DILEMA ROSMAN

tidak tahu apa sebabnya mereka berbuat begitu.

"Nak kata tidak memiliki pengalaman, saya sudah membuktikan kemampuan membawa skuad berbasikal Kedah menghadapi SUKMA (Sukan Malaysia) dan mereka berjaya meraih emas.

"Pengalaman saya beraksi

di Olimpik serta beberapa temasya lain juga rasanya tidak perlu dipertikaikan dan saya tidak tahu kriteria yang MSN kehendaki dalam pemilihan menjadi jurulatih," katanya yang pernah dilantik jurulatih pelapis MSN dan negeri suatu ketika dulu.

Rosman yang pernah ber-

aksi di Sukan Olimpik 1988 di Seoul, Korea Selatan terkenal dengan sikap tegas dan lantang memberi komen memang kecewa dengan apa yang berlaku, tapi demi cintanya terhadap dunia berbasikal, beliau akan tetap berusaha menabur bakti dalam sukan itu.

Selepas meninggalkan MSN pada 2006, Rosman diberi tanggungjawab membawa skuad berbasikal Kedah dan di bawah bimbingannya berjaya membentuk Mohd Fattah Amri Zaid dan beberapa lagi pelumba lain bagi membantu menyumbangkan emas SUKMA buat Kedah.

ISN LEBIH BERKUASA?

■ Dijangka ambil alih tugas MSN persiap atlet elit hadapi kejohanan besar

Oleh Azlan Muhammad Zain
azlanmz@metro.com.my
Kuala Lumpur

Institut Sukan Negara (ISN) dijangka diberikan peranan lebih besar dan berkuasa mempersiapkan atlet elit negara bagi menghadapi kejohanan atau temasya besar selepas ini.

Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin Abu Bakar dijangka mengumumkan penstrukturan semula ISN dan Majlis Sukan Negara (MSN) hari ini selepas mendapat pandangan pelbagai pihak.

"Selepas kegagalan di Sukan Komanwel dan Asia tahun lalu, Khairy melantik Brian Miller dari Institut Sukan Australia (AIS). Miller sudah memberikan cadangannya kepada Khairy selain maklum balas dari ISN dan MSN.

"ISN akan diberikan peranan lebih besar menghadapi kejohanan besar selepas ini.

"Organisasi dan hal ehwal atlet, kejurulatihan dan atlet elit akan diletakkan di bawah ISN dengan harapan pendedahan lebih baik dapat diperoleh atlet menerusi as-

pek perubatan dan sains sukan," menurut sumber semalam.

Tambahnya, MSN yang diketuai Datuk Ahmad Shapawi Ismail akan memberi tumpuan kepada pembangunan, kerjasama rapat bersama persatuan sukan serta pengurusan program.

Arena sukan negara pada tahun lalu dibayangi prestasi buruk apabila kontinjen negara gagal mencapai sasaran pada dua temasya sukan terbesar di Glasgow dan Incheon sehingga menyebabkan Ketua Pengarah MSN Datuk Seri Zolkples Embong

digantikan dengan Ahmad Shapawi.

Lebih mengejutkan sukan negara turut dipalit isu doping tahun lalu membabitkan pemenang pingat emas Sukan Asia dalam acara wushu, Tai Cheau Xuen selain pemain nombor satu badminton negara Datuk Lee Chong Wei.

Khairy dijangka mengadakan perjumpaan bersama pegawai MSN, ISN, jurulatih dan atlet pada pertemuan hari ini bagi menjelaskan perancangannya terhadap pembangunan sukan negara.

Malaysia akan menyertai Sukan SEA Singapura pada Jun, disusuli Sukan Olimpik Rio 2016, dengan harapan merealisasikan impian meraih emas pertama pada temasya terbesar dunia itu.

"MSN akan beri tumpuan kepada pembangunan, kerjasama persatuan sukan dan pengurusan program"
Sumber

HARIAN METRO (M/S.77)

12 FEBRUARI 2015

KHAIRY (lima depan dari kanan) dijangka umum penstrukturan semula ISN dan MSN.



Jeremy terlepas peluang suku akhir

12 FEBRUARI 2015

HARIAN METRO (M/S...79)

Monsoon Cup
MALAYSIA
9 - 14 FEB 2015
www.monsooncup.com.my

Oleh Mohamad Fahd Rahmat
fahd@hmetro.com.my

Johor Bahru: Wakil Asia dalam Piala Monsun 2015, Jeremy Koo (*gambar kecil*) dari Malaysia dan Maximilian Soh dari Singapura terkandas dalam misi kelayakan ke suku akhir semalam seterusnya terpaksa melupakan impian menjulang piala berprestij itu.

Jeremy dari pasukan Sime Darby Foundation/Malaysia Match Racing Team gagal mengutip sebarang mata untuk menyaingi bekas Juara Piala Monsun lalu, Taylor Canfield dan juara dunia empat kali, Ian Williams hari ini.

Bagaimanapun pujian harus diberikan kepada wakil tunggal negara itu apabila mempamerkan persembahan menarik pada awal perlawanan semalam, dalam aksi memburu kemenangan sulung menentang Bjorn Hansen dari pasukan Hansen Sailing Team.

Jeremy yang mendahului saingan ketika menentang pasukan dari Sweden itu bagaimanapun terlepas pe-



KOO Racing Team yang dikemudikan Jeremy (tiga dari kanan) mengawal kapal layar sewaktu bersaing dalam pusingan kedua.

luang terbaik apabila berjaya dipintas menjelang penamat saingan.

Jeremy bagaimanapun menganggap kekalahan pasukannya bukan penamat mengimpikan kejayaan lebih baik pada masa depan.

"Hari ini kami menampilkkan aksi baik dan saya gembira dengan persembahan pasukan walaupun kalah.

"Kami berjaya mendahului beberapa saingan dan soalnya lebih kepada me-

ngawal dan meningkatkan kelajuan kapal pada penghujung, sama seperti dihadapi pasukan lain," katanya.

Dalam saingan pagi semalam, ketika menentang Mathieu Richard dari pasukan



Luna Jets, Jeremy kehilangan 0.5 mata selepas dikenakan penalti kerana melanggar peraturan termasuk menyebabkan bot pasukan lawan mengalami kerosakan kecil. Jeremy juga dikenakan dua penalti kerana melanggar

peraturan pertandingan sebelum bersaing dengan Maximilian dari Team Red Dot.

Sementara itu, Maximilian menduduki tangga ke 11 perlumbaan dan hanya memenangi sekali daripada sembilan perlumbaan.

Pendahulu saingan, Williams dari pasukan GAC Pindar masih selesa di hari kedua dengan tiga mata diikuti Canfield dan pelayar New Zealand, Phil Roberston yang masing-masing memperoleh empat mata.

Lapan pasukan terbaik berentap merebut tempat ke peringkat suku akhir yang dijadual berlangsung esok.

'Tak boleh ingkar'

HARIAN METRO (MS 79) 12 FEBRUARI 2015

Oleh Saiful Affendy Sapran

saifulaffendy@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) tidak mempunyai pilihan lain selain mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) disusuli Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Jumaat ini dengan menggunakan perlembagaan lama sekali gus mengikut arahan ditetapkan Pesuruhjaya Sukan Datuk Zaiton Othman (*gambar*).

Bekas Setiausaha Agung badan induk itu yang dulunya dikenali Persekutuan Hoki Malaysia (PHM) Maninderjit Singh berkata, MHC perlu berpegang kepada prinsip tidak boleh mengingkari arahan Pesuruhjaya Sukan.

Bagaimanapun jelasnya, sebelum berlangsung AGM, perjalanan EGM perlu dilakukan dengan teliti dan memerlukan 'kawalan' baik Setiausaha Agung ketika ini Datuk Johari Abdul Aziz.

"Setiausaha perlu pastikan semua anggota hadir pada EGM dan menerangkan bagaimana segala proses akan dilakukan.

"Beliau juga perlu melantik seorang pegawai bebas yang akan mengendalikan perjalanan pemilihan.

"Setiausaha juga bertanggungjawab menerangkan bagaimana pemilihan dijalankan. Yang penting sekali beliau kena bincangkan mengenai dua surat Pesuruhjaya



Sukan yang dihantar kepada MHC.

"Selepas itu, pencalonan yang baru untuk semua jawatan perlu dilakukan ketika AGM kerana pencalonan sebelum ini sudah tidak boleh diambil kira.

"Kuasa untuk melaksanakan AGM hanya boleh diputuskan menerusi suara majoriti semasa EGM. Kalau gagal menepati semua syarat itu, maka AGM tidak boleh dilaksanakan," katanya kepada Arena Metro semalam.

Mengikut perlembagaan lama, sekiranya jawatan Presiden diisi lelaki, maka Timbalan Presiden secara automatik milik wanita dan begitulah sebaliknya.

Perlembagaan lama juga menyaksikan dua jawatan Naib Presiden Kanan masing-masing untuk lelaki dan wanita serta 10 kerusi untuk Naib Presiden.

Jelas Maninderjit, kepentingan ketika ini adalah memastikan perjalanan AGM berjalan dengan baik.

HARIAN METRO (M/S...79)

12 FEBRUARI 2015

**Keputusan
Tunku Imran
batalkan
larian MIM
wajar**

Oleh Saiful Affendy Supran
saifulaffendy@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Presiden Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) Datuk Karim Ibrahim menghargai keputusan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Tunku Imran Tunku Ja'far yang memutuskan untuk membatalkan penganjuran larian Maraton Antarabangsa Malaysia (MIM).

Jelas Karim, Tunku Imran sememangnya memahami situasi yang berlaku dan atas faktor itulah keputusan diambilnya amat tepat.

"Tunku Imran bukan orang baru dunia sukan. Sebab itu beliau faham situasi yang berlaku," katanya kepada Arena Metro semalam.

Bagaimanapun Karim menegaskan, berikutan keputusan MOM membatalkan larian berkenaan, tidak bermakna KOM sengaja menghalang mana-mana pihak daripada menganjurkan acara berbentuk larian.

"KOM tidak pernah menghalang penganjuran sebarang acara larian. Sebab kami juga mahu memastikan rakyat di negara ini menjalani kehidupan sihat dengan me-



KARIM (kanan) puji tindakan Tunku Imran.

**Tindakan
tepat**

"KOM tidak pernah halang penganjuran sebarang acara larian"
Karim Ibrahim

nyertai acara larian.

"Tapi yang kami mahu ialah ia perlu dijalankan mengikut prosedur betul dengan mendapatkan pengiktirafan KOM," katanya.

Jelas Karim, KOM perlu memastikan penganjuran mengikut prosedur kerana pada akhirnya nanti, segala-galanya akan dirujuk kepada pihaknya.

Menerusi laporan Arena Metro sebelum ini, Karim mendesak MOM mendapat

pengiktirafan daripada pihaknya sekiranya mahu menganjurkan larian MIM itu.

Bagaimanapun, MOM menerusi Naib Presiden Datuk Danyal Balagopal Abdullah tetap dengan keputusan menggunakan nama larian itu sebelum Tunku Imran mengambil keputusan menukarnya kepada nama lain. Bagaimanapun Danyal se-

lepas itu kembali kepada keputusan asal untuk mengekalkan nama MIM.

Isu itu membawa campur tangan Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang menasihati MOM berbincang dengan KOM sebelum Tunku Imran mengambil keputusan muktamad membatalkan acara itu.

Hafiz terkejut kita tiada wakil undian utama All England

UTUSAN MALAYSIA (M/S. 32)
 Oleh NOR-AZAN FITRI
 AHMAD HIDZIR
 sukan@utusan.com.my

12 Februari 2015

KUALA LUMPUR - Sukan badminton negara menerima tamparan hebat apabila tiada seorang pun pemain perseorangan lelaki negara berada dalam senarai undian utama kejohanan Super Siri Premier All England yang dijadual berlangsung awal Mac ini.

Bekas pemain perseorangan negara Mohammad Hafiz Hashim melahirkan rasa terkejut dengan perkembangan itu sambil menyifatkannya sebagai sesuatu yang sangat berbahaya buat badminton negara.

Katanya, sebelum ini Malaysia sentiasa berada dalam persainan utama acara lelaki kejohanan paling prestij itu, dan sekiranya pemain negara gagal melepasi pusingan kelayakan dalam edisi kali ini maka keputusan itu merupakan satu sejarah.

"Saya agak terkejut selepas melihat undian itu semalam (kelmarin). Kebiasaannya pusingan kelayakan ini orang tidak pandang sangat sebab semua tertumpu kepada undian utama, jadi ini merupakan tamparan hebat buat kategori perseorangan lelaki.

"Saya dulu pernah jadi juara dan (Datuk Lee) Chong Wei pun sama, jadi kalau tiada wakil dalam undian utama nampak agak pelik kerana bukan Malaysia sahaja tetapi negara-negara lain juga akan tertanya-tanya.

"Jadi boleh nampak di sini, nama Malaysia selaku kuasa be-

sar badminton semakin suram dan akan merudum sekiranya berterusan begini," katanya ketika ditemui di kejohanan Sirkuit Kebangsaan Terbuka Kuala Lumpur Maybank di Stadium Badminton Kuala Lumpur, di sini semalam.



MUHAMMAD HAFIZ HASHIM

Dalam kejohanan itu Mohammad Hafiz yang menyertai acara beregu bersama Mohd. Razif Ab. Latif melangkah ke pusingan seterusnya apabila Vountus Indra Mawan-Winson Neo Vui menarik diri akibat kecederaan.

Tiga pemain perseorangan negara, Chong Wei Feng, Zulfadli Zulkiffli dan Mohd. Arif Abdul Latiff tersenarai untuk menyertai kejohanan All England yang dijadual berlangsung 3-8 Mac ini tetapi mereka perlu melepasi pusingan kelayakan terlebih dahulu.

Wei Feng bagaimanapun masih belum pasti dapat beraksi dalam kejohanan itu kerana masih bergelut untuk pulih daripada kecederaan pangkal paha kiri yang dialaminya semasa kejohanan Grand Prix Emas Terbuka India, bulan lepas.

Mohammad Hafiz bagaimanapun tetap meletakkan harapan untuk menyaksikan pemain-pemain negara berjaya melepasi pusingan kelayakan sekali gus berada dalam undian utama kejohanan itu.

"Melihat kepada prestasi semasa, saya melihat Arif lebih berpeluang sekiranya dapat mengekalkan aksi konsisten seperti mana yang ditonjolkan semasa beraksi di dalam Liga Purple Kopiko.



HAMIDIN MOHD. AMIN



RAZIP ISMAIL

Tamatkan semua spekulasi - Hamidin

UTUSAN MALAYSIA 12 FEBRUARI 2015
 Oleh MUHAMMAD DAYNE AZMIN
 dayne.ghazali@utusan.com.my

12 FEBRUARI 2015

sasaran serta perancangan sepanjang tahun ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

KUALA LUMPUR - Biar pun Razip Ismail berjaya membawa skuad Bawah 22 tahun negara meraih kejuaraan Piala Emas Bangabandhu di Bangladesh Ahad lalu, pendirian Persatuan Bola Sepak Sepak Malaysia (FAM) nyata belum berubah apabila menegaskan, Datuk Ong Kim Swee tetap individu yang layak membawa cabaran negara pada Sukan SEA di Singapura, Jun ini.

Kenyataan itu ditegaskan oleh Setiausaha Agungnya, Datuk Hamidin Mohd. Amin yang berkata, FAM tidak pernah merancang melakukan pertukaran jawatan dalam masa terdekat dan Indeks Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan kepada setiap jurulatih masih kekal.

Katanya lagi, FAM tidak mahu mengganggu keharmonian dan perancangan yang telah direncanakan oleh Razip serta Kim Swee bagi menghadapi dua kejohanan yang menjadi misi penting skuad kebangsaan tahun ini.

"Tidak timbul isu Razip akan mengambil alih tugas Kim Swee kerana keputusan mesyuarat Exco sebelum ini kekal. Mereka perlu mencapai Indeks Petunjuk Prestasi yang ditetapkan.

"Jadi, KPI Razip masih sama iaitu menumpukan kepada kelayakan Piala AFC B-23 di Kuala Lumpur, Mac ini dan memberi cabaran dalam Liga Singapura. Kim Swee pula diberi tugas memenangi pingat emas pada Sukan SEA di Singapura, Jun depan.

"Saya mewakili suara FAM ingin menegaskan, tidak akan berlaku sebarang pertukaran tugas antara mana-mana jurulatih dalam masa terdekat ini dan semua pegawai FAM telah dimaklumkan mengenai



Desas-desus Razip berminat mahu menggantikan tempat Kim Swee pada Sukan SEA bukan lagi rahsia, apatah lagi jika dia mampu memenuhi KPI utama yang ditetapkan iaitu melepasi kelayakan Kejuaraan Bawah 23 tahun.

Walaupun begitu, bekas pemain dan jurulatih Kuala Lumpur itu menyerahkan kepada pihak pengurusan FAM untuk membuat keputusan kerana dia mahu memberi tumpuan kepada tugas kelayakan AFC B-23 dan saingan Liga Singapura.

Sementara itu, pengurus Harimau Muda B yang juga Naib Presiden FAM, Datuk Rozabil Abd. Rahman berkata, beliau berharap spekulasi mengenai Razip mahu menggantikan Kim Swee ditamatkan segera kerana masing-masing mempunyai fokus tersendiri bersama pasukan.

"Saya rasa isu ini tidak patut ditimbulkan lagi kerana mereka berdua sudah jelas tentang apa yang perlu dilakukan. Saya tidak mahu salah seorang daripada jurulatih ini lari fokus.

"Kedua-dua pasukan amat memerlukan satu sama lain kerana skuad Sukan SEA dijangka menggunakan 60 hingga 70 peratus pemain daripada skuad Bawah 22 tahun yang akan beraksi dalam kelayakan Piala AFC B-23, jadi mereka berdua kena bekerjasama.

"Kita kena ingat objektif sebenar penubuhan Harimau Muda iaitu memberi pendedahan kepada pemain muda. Pusingan kelayakan AFC B-23 serta Liga Singapura adalah medan terbaik buat pemain yang akan berjuang pada Sukan SEA," katanya.

ZAITON MUNGKIN KE MAHKAMAH

UTUSAN MALAYSIA (M/S.....) 32

12 FEBRUARI 2015

Oleh ZAZALI JAMIAN
sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR

NAIB Presiden Kanan Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), Datuk Nur Azmi Ahmad sedia mengambil tindakan undang-undang terhadap Datuk Zaiton Othman andai penjelasan yang diberikan oleh Pesuruhjaya Sukan itu berhubung isu perlembagaan MHC didapati tidak munasabah.

Zaiton sebelum ini mendakwa, perlembagaan baharu MHC tidak boleh diguna pakai kerana tidak mengikut peraturan yang ditetapkan, sekali gus menyebabkan Nur Azmi mungkin tidak dapat bertanding bagi jawatan timbalan presiden badan sukan berkenaan dalam mesyuarat pemilihan esok.

Malah Nur Azmi berkata, banyak perkara perlu dijelaskan oleh pihak Zaiton, selain isu tidak cukup kuorum yang didakwa menjadi punca perlembagaan baharu itu tidak terpakai.

"Saya sudah dapatkan nasihat peguam dan bersetuju bahawa Pesuruhjaya Sukan ada melakukan kesilapan yang membolehkan tindakan undang-undang dikenakan terhadapnya.

"Dalam hal ini, banyak perkara yang tidak jelas, umpama rumah siap tetapi pahat masih berbunyi. Saya juga ada bukti kukuh mengenai kesilapan yang dilakukan oleh Zaiton sebagai Pesuruhjaya Sukan," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Kelmarin Zaiton memberitahu, beliau akan menjelaskan sendiri kepada MHC berhubung isu perlembagaan baharu yang tidak boleh diguna pakai dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) esok selepas mendapati timbul pertikaian berhubung perkara tersebut.

Isu itu timbul pada 6 Februari lalu apabila Timbalan Presiden MHC, Puan Sri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah menyeru semua pihak dalam badan induk tersebut supaya kembali mematuhi perlembagaan asal iaitu sebelum dipinda pada Ok-

tober tahun lalu.

Mengikut perlembagaan asal, jawatan timbalan presiden mesti disandang oleh wanita seandainya presiden adalah lelaki.

Malah, Raja Noora Ashikin turut mempersoalkan mengapa jawatan yang disandanginya sejak penggabungan Persekutuan Hoki Malaysia (PHM) dan Persekutuan Hoki Wanita Malaysia (PHWM) itu terlalu mahu direbut pihak tertentu sehingga tidak lagi mematuhi arahan Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH) sebelum ini.

Perlembagaan baharu MHC tak sah

KUALA LUMPUR - "Saya sendiri akan menjelaskan kepada mereka Jumaat ini".

Itu tegas Pesuruhjaya Sukan, Datuk Zaiton Othman berhubung isu pemilihan pemangkin Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) yang akan diadakan sempena Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Jumaat ini.

Isu utama yang diperkatakan ialah perubahan perlembagaan baharu pada 13 Oktober tahun lepas yang tidak mengikut peraturan ditetapkan hingga menyebabkannya tidak terpakai untuk pemilihan kali ini.

Zaiton menegaskan perkara tersebut bukan sesuatu yang rumit untuk dijelaskan, malah amat mudah untuk difahami.

perlu ada 31 undian.

"Perkara ini melibatkan politik dan bagi pihak Pesuruhjaya Sukan kami sekadar memberi nasihat bagi memantulkannya mengikut undang-undang yang ditetapkan," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Sebelum ini timbul pertikaian berhubung pemilihan bakal Timbalan Presiden MHC.



ZAITON OTHMAN



NUR AZMI AHMAD

KERATAN *Utusan Malaysia* semalam.